

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 19

RABU 13HB MEI, 1981.

رايو 9 جمادي الاخير 1401

PERCHUMA

Undangan ka-Persidangan Menteri2 Luar ASEAN

BRUNEI HANTAR WAKIL SA-BAGAI PEMERHATI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini telah menerima perutusan khas daripada Presiden Marcos dari Republik Filipina menyem- bakan jemputan daripada Kerajaan Filipina supaya Baginda menghantar wakil bagi meng- hadhiri Persidangan Menteri2 Luar ASEAN yang akan di-adakan di-Manila dalam bulan Jun 1981 yang akan datang sa-bagai pemerhati. Jemputan ini di-sembahkan oleh Presiden Marcos kerana Filipina ada-lah tuan rumah bagi Persidangan Menteri2 Luar ASEAN tahun ini. Jemputan Pre-

siden Marcos ini ada-lah di-sambut baik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan

Baginda, dan Baginda su- kachita akan menghantar wakil bagi menghadiri Persidangan Menteri2 Luar ASEAN yang akan datang di-Manila sa-bagai

pemerhati.

Wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu akan hadir sa-bagai te- tamu Kerajaan Filipina.



Kebawah DYMM.

D.Y.M.M. berangkat ka-London

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat mening-

galkan Brunei menuju ka- London pada hari Sabtu 9hb Mei 1981 lalu. Turut berangkat mengiringi Ba- ginda ia-lah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Per- dana Wazir Sahibul Him- mah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkih dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Dipertuan telah melantek Duli Yang Teramat Mu- lia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin sa-bagai Timbalan Sultan sa-masa Baginda berada di-U.K.

Membimbing orang2 chachat:

KERAJAAN LAKSANAKAN BERBAGAI LATEHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sentia- sa menyedari akan tang- gong-jawab untuk meng- ambil peranan penting da- lam membimbing orang2 chachat di-negeri ini.

Untuk itu walaupun bi- langan mereka agak ke- cil jika di-bandingkan dari yang terdapat di-ne- gara2 lain, namun berba- gai-bagai jurusan latehan dan asohan telah di-laku- kan dan di-jalankan me- lalui Jabatan Kebajikan.



YTB Penaschat Umom
Kebawah DYMM.

Belia dan Sokan.

Demikian telah di-te- gaskan oleh Penaschat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa ketika berucap me- rasmikan Pelancaran Ta- hun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat di-Brunei yang telah di-adakan di- Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Rabu 6hb Mei yang lalu.

Usaha2 yang hanya di- hulurkan oleh kerajaan dari segi asohan serta bim- bingan yang di-jalankan sa-jauh ini tegas yang YTB telah membuktikan kejayaan, biarpun kebo- lehan yang di-hasilkan

tidak lebeh malah sa-tan- ding dengan dari apa yang di-hasilkan oleh orang2 yang tidak chachat.

Ini, tambah Yang Ter- amat Berhormat juga membuktikan yang mere- ka akan dapat menjadi sa- bahagian daripada golong- an masyarakat yang pro- duktif jika di-berikan ga- lakan dan bimbingan yang bersesuaian.

Menyentuh Sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat bagi ne- geri ini, Yang Teramat Berhormat menjelaskan ia-nya mempunyai tiga tu- juan ia-itu, bagi menim- bulkan kesedaran di-ka- langan orang ramai terha- dap nasib yang di-hadapi oleh orang2 chachat da-

lam masyarakat, kedua supaya orang ramai akan tampil ka-hadapan untuk melibatkan diri dalam usaha2 pemulahan dan pertolongan dan ketiga supaya orang ramai akan menerima orang2 chachat sa-bagai sa-bahagian dari anggota masyarakat.

Maka dari asas tujuan tersebut, Yang Teramat Berhormat menyeru su- paya orang ramai akan melibatkan diri mereka sa-chara langsung pada membantu kehidupan orang2 chachat di-negeri ini.

"Saya perchaya usaha2 yang di-jalankan sempena sambutan ini akan lebeh2 lagi mendapat kejayaan de- ngan ada-nya penglibatan serta sumbangan tenaga dan material oleh pertu- bohan2 sukarela dan ba- dan perniagaan dan shari- kant yang mana telah meng- hantar pemimpin2 dan wa- kil2 mereka keperhimpun- an ini," ujar Yang Ter- amat Berhormat.

Pengarah Kebajikan Be- lia dan Sokan, Yang Ber- hormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, dalam ucapan alu-aluan- nya telah menggesa orang ramai di-negeri ini supaya akan sentiasa menolong dan membantu orang2

chachat di-mana sahaja mereka berada dalam mewujudkan satu ma- sharakat yang harmoni dan sehat dalam masha- rakat Brunei.

Ini kata, Yang Berhor- mat sesuai dengan thema yang berbunyi "Terima- lah orang2 chachat dan bantu-lah mereka untuk membantu diri mereka sendiri" yang lebeh men- jelaskan supaya kita mengambil peranan pen- ting untuk mengajar mere- ka chara2 berhidup yang lebeh sempurna mengikut ajaran2 Ugama Islam.

Manis-nya Iman

SAHABAT Abi Bakrah Nufai'e bin Al-Harith Ath-thaqafi menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apa- bila dua orang Islam ber- tarung senjata maka ke- dua yang membunuh dan terbunuh di-masukkan ka-neraka." Saya (Abi Bakrah) pun bertanya: "Ya Rasulullah! Tidak- lah di-sangsikan perkara itu bagi si-pembunuh, te- tapi apa hal-nya bagi orang yang terbunuh?" Baginda menjawab: "Se- sunggoh-nya orang yang terbunuh itu pun sa- benar-nya bertujuan un- tok bersungguh2 men- bunuh kawan-nya itu." — Riwayat Bukhari dan Muslim.

Untuk dapatkan pas kerja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para majikan yang sharikat2 mereka terlibat mengambil peker- ja asing di-negeri ini di- ingatkan supaya membawa dukomen2 yang di-kehend- si apabila menghantar borang2 permohonan me- reka bagi mendapatkan pas kerja ka-Pejabat Bu- roh.

Pesuruhjaya Buroh Bru- nei, YAM Pengiran Indera

Setia Diraja Sahibul Karib Pg Anak Idris dalam satu siaran akhbar-nya minggu lalu kepada Pelita Brunei telah mengingatkan dem-ikian kepada mana2 maji- kan ketika membuat per- mohonan dan di-tunjok- kan kepada pegawai Peja- bat Buroh yang bertang- gong-jawab menerima per- mohonan itu.

Dukomen2 yang di-ke- hendaki, jelas siaran ter-

sebut ia-lah lisen atau su- rat kebenaran yang ter- akhir yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya Buroh Brunei kepada majikan2 tersebut.

Di-samping itu tambah siaran itu lagi, para maji- kan ada-lah juga di-ke- hendaki menyerahkan ber- sama-nya siji2 kesihatan pekerja2 berkenaan (pe-

Lihat muka 20

Lawatan Konsul

BANDAR SERI BEGAWAN. — Konsul Agong Amerika ka- Malaysia, Awang Lyall Breen berada di-sini untuk la- watan sa-lama tiga hari. Awg reen yang tiba di-sini se- alam akan bertolak ka-Sin-apura pada hari Khamis 11hb Mei esok.

Sementara itu Konsul Je- m ka-Malaysia, Awang Ya- hiko Ota juga telah meng- akan lawatan ka-negeri ini minggu ini. Awang Ota yang a- pada hari Isnin telah ber- lak ka-Kota Kinabalu pada tang semalam.

Sa-waktu di-Brunei, Konsul pun dan Konsul Agong Am- ka itu telah mengadakan ndingan2 dengan beberapa ang ketua2 jabatan keraja- dan Pemangku TYT Pe- robjaya Tinggi British di- unei.

Kawat Kadet

AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Kadet Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ah munchol sa-bagai johan pertandingan kawat bagi sokan2 kadet Daerah Bru- ni dan Muara yang berlang- ang di-Padang SMJA pada maat lalu. Tempat kedua di-duduki oleh Pasokan Kadet Sekolah Menengah SMJA.

Projek sukarela

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan pelajar2 ba- ru Tingkatan Enam Sekolah Seins Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah ber-sama-sama menjalankan projek sukarela sempena Pe- lancaran Tahun Antara- bangsa Orang2 Chachat di- Brunei pada hari Khamis le- ta. Di-antara kerja2 yang reka lakukan ia-lah mem- bersihkan beberapa buah ru- mah orang2 chachat di-sini.

Tinju AMDB

BERIKAS KEM. — Battalion K-2 dua Askar Melayu Diraja Brunei telah munchol sa-bagai juara di-kejujutan tinju an- tarabangsa yunit AMDB bertempat di-Dewan Gerak Badan AMDB di-sini. Sa-banyak lima yunit yang mengandungi 18 orang telah turut mengambil bahagian.

YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kol Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, Timba- lan Pemerintah AMDB telah menyampaikan hadiah2.



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
NEGARA
BRUNEI

13HB MEI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

J/kuasa menyambut kemerdekaan: AMANAH YANG MENCHABAR

PENUBOHAN Jawatankuasa Kerja Bagi Menyambut Kemerdekaan yang di-umumkan minggu lepas telah di-sambut oleh orang ramai dengan riaksi yang berpatutan. Mereka memahamkan-nya sa-bagai satu lagi tanda betapa perengkat tinggi Kerajaan sedang mengator persiapan2 yang perlu menjelang hari kemerdekaan itu.

Yang jelas kepada mereka ia-lah: Jawatankuasa tersebut di-tubuhkan bagi mengemukakan chadangan2 serta sokongan2 pada membuat segala persiapan ia itu setakat yang melibatkan susunan ator-chara, sambutan2, penyediaan kelengkapan dan sa-bagai-nya. Dan orang ramai juga telah memberi perhatian bahawa Jawatankuasa berkenaan itu telah di-titahkan supaya mengambil ingatan yang ator-chara pada menyambut hari kemerdekaan itu sewajarnya melambungkan unsur2 keugamaan Islam seperti yang di-anut di-negeri ini selain dari 'adat isti'adat serta kebudayaan negeri Brunei.

Beban amanah pada menchorakkan sambutan2 dengan unsur2 yang di-sebutkan itu memang-lah sangat menchabar, tetapi ada-lah di-perchayai segenap ahli Jawatankuasa Kerja tersebut dan sa-tiap tenaga yang akan terlibat dalam sebarang kerja di-semua perengkat persiapan menyambut kemerdekaan itu akan memikul-nya dengan fiteh sambil mengingat peri titah yang menghasratkan supaya semua lapisan akan mendzahirkan perasaan khusu' dan tawadhu' kepada Allah s.w.t. dalam menyambut detik2 yang bersejarah itu. Tambahan kepada itu ia-lah sa-bagai-mana yang di-tegaskan dalam mashuarat pertama Jawatankuasa Kerja itu oleh Y.B. Setia Usaha Kerajaan selaku pengerusi-nya bahawa penglibatan dalam kerja2 menyambut kemerdekaan itu ada-lah suatu penghormatan di-samping sumbangan yang bersignificant pada menyudahkan kerja2 yang sekian lama telah di-mulakan bagi kemerdekaan itu sendiri.

Dalam semua hal tentu-lah di-harapkan sambutan2 hari kemerdekaan itu bukan setakat perayaan2 tetapi lebih dari itu ia akan sama mendatangkan kesan dalam bentuk raayat dan penduduk negeri ini akan bertawakkal serta berazam menghadapi masa depan dalam negara yang penoh berdaulat lagi merdeka.

Persidangan Menteri2 Luar ASEAN: HEMAT TINGGI DYMM

MASEH dalam tempo persiapan menyambut kemerdekaan, pengumuman dari Istana pada petang Khamis lepas mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan akan menghantar wakil negeri ini bagi menghadiri Persidangan Menteri2 Luar ASEAN di-Manila bulan depan, sa-bagai pemerhati dan menjadi tetamu Kerajaan Filipina, telah di-sambut baik oleh orang ramai. Maka dengan itu kita maju sa-tapak lagi dalam perhubungan luar negeri dimana kita sentiasa mengambil perhatian kepada sebarang langkah mempertegoh kedudukan negeri kita di-sisi negara2 rantau ini bagi faedah2 bersama.

Raayat dan penduduk negeri ini memang telah wajar menjunjong hemat tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda pada menentukan arah dan hala yang betul bagi negeri kita ini mendapatkan kedudukan-nya yang layak apabila ia mengambil alih semula, sa-chara penoh, tanggung-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Peramba, Kaola, saya menyembahkan / mengucapkan beranyak2 terima kasih di-atas kehadriran abis Tuan Peramba, Pehin, Dato2 dan Awang2 sekalian ka-mashuarat pertama Jawatankuasa Kerja bagi sambutan Perayaan Hari Kemerdekaan Negeri Brunei pada akhir tahun 1983.

Kapada semua yang hadir pada pagi ini Peramba, Kaola, saya ingin mengambil peluang pada mengucapkan setinggi2 tahniah atas lantikan Tuan Peramba, Pehin2 Dato2 dan Awang2 ka-Jawatankuasa ini, yang mana walau pun nampaknya tugas2 asas Jawatankuasa ini hanya-lah bagi melaksanakan keputusan2 yang akan di-buat oleh Jawatankuasa Tertinggi dengan ada-nya kaitan langsung dengan persediaan2 kerana sambutan kemerdekaan negara dan segala isi di-dalam-nya, maka Peramba, Kaola, saya anggap sebarang penyer-taan dalam usana seperti ini ada-lah merupakan satu sumbangan yang bersignificant dan unik pada menyudahkan serta meng-nalusi kerjaya yang sekian lama telah di-mulakan. Maka dengan significant yang unik itu saya berharap dengan penoh keperchayaan bahawa abis Tuan Peramba, Pehin, Dato2 serta Awang2 dan Dayang2 sekalian akan menyandang sama apa jua tanggung-jawab yang dari satu masa ka-satu masa di-amanahkan dengan semangat yang penoh dengan keshukoran atas peluang berkhidmat yang telah di-korbankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kapada kita semua.

Kerja2 Jawatankuasa ini insha 'Allah, pada pendapat Peramba, Kaola, saya akan terchatet dalam sejarah negara sa-bagai satu lagi sumbangan langsung dalam menyempurnakan urusan2 kemerdekaan yakni kita sa-bagai sa-kumpulan kecil tenaga ra'ayat negeri ini, insha 'Allah, akan dapat menyajikan satu pekerjaan yang akan melibatkan setiap umat di-muka bumi Brunei; terutama sekali mereka yang terdiri dari kalangan ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia; dari semua lapisan masyarakat, kaum, puak di-seluruh pelusok tanah ayer.

TUGAS

Peramba, Kaola, saya telah menyebut tentang tugas2 asas jawatankuasa ini ia-itu sa-bagai badan perlaksana terhadap keputusan2 yang akan di-buat oleh Jawatankuasa Tertinggi. Tidak shak lagi ahli2 akan banyak menimbulkan pertanyaan2 dan mendapatkan keterangan2 lanjut terhadap tugas2 itu.

SAMBUTAN KEMERDEKAAN: HENDAK-NYA RANCHANGAN2 DI-TUMPU KAN KAPADA YANG AFDHAL



Apa yang kita dapat rumuskan bahawa Jawatankuasa ini akan mengemukakan chadangan2 dan sokongan2 pada membuat segala persiapan2 untuk menyambut Hari Kemerdekaan dengan mengambil ingatan bahawa dalam ator-chara pada menyambut Hari Kemerdekaan itu ada-lah sewajarnya unsur2 keugamaan Islam seperti yang di-anuti dalam Negeri Brunei juga di-lambangkan selain dari 'adat isti'adat serta kebudayaan Negara.

Daripada apa yang dapat di-rumuskan itu ada-lah nyata dan peramba, kaola, saya sukachita menyatakan sa-bagai rekod dan tert'alog juga kapada arahan2 Jawatankuasa Tertinggi bahawa Jawatankuasa ini hanya-lah di-amanahkan bagi perkara2 yang bersangkutan paut dengan perlaksanaan ranchangan2 perayaan itu nanti. Jadi barang setentunya proses menempoh kemerdekaan itu akan melibatkan lain2 persediaan seperti susunan Kerajaan dan latehan2 yang meliputi berbagai aspek. Ini di-perchayai ada-lah bebanan pehak2 yang lain yang mana Jawatankuasa ini tidak-lah terlibat.

PANDUAN

Selain daripada itu untuk panduan dan garis kasar Jawatankuasa ini peramba menjunjong, kaola dan saya memohon supaya ahli2 mengambil ingatan bahawa sambil ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei bergembira mengadakan berjenis2 perayaan jangan pula kita terlupa untuk menddahirkan perasaan khusu' dan tawadhu' kapada Allah Subhanahu Wata'ala pada menyambut detik yang bersejarah itu sambil menadahkan tangan berdo'a memohon restu serta rahmat kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Allah sentiasa memperlindongi Negeri Brunei serta segala isi di-dalam-nya dari segala bala-bencana dan supaya ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei bertawakkal serta berazam

pada menghadapi masa depan Negeri Brunei sa-bagai sa-buah Negara yang penoh berdaulat lagi merdeka.

DI-KAWAL

Peramba, kaola, saya juga ingin merekodkan harapan supaya dalam menghadapi apa2 jua ranchangan hendak-lah di-tumpukan kepada perkara2 yang sesungguh-nya afdhal yakni pada menjauhkan kelaziman2 pembaziran2 ia-itu di-timbangkan dari apa aspek jua pun sama ada pembaziran kewangan, tenaga, pembaziran kemudahan2 dan seumpama-nya. Kearah itu antara lain perjalanan kerja2 yang di-amanahkan kepada Jawatankuasa ini akan di-kawal menurut peratoran2 yang lazim di-kenakan kapada Jabatan2 Kerajaan seperti Peratoran2 Tender, Pemereksaan Odit dan lain2. Sebarang pengechuaian hanya akan dapat di-lakukan menurut peratoran2 dan procedure yang sedia terdapat. Pendek kata, segala tindak-tanduk serta gerak-geri Jawatankuasa ini hendak-lah menurut asas dan tata-tertib yang lazim di-amalkan oleh Jabatan2 Kerajaan.

Daripada garis2 kasar yang peramba, kaola, saya arangkan itu tadi dan mungkin nampak atau terbayang-lah keperluan bagi Jawatankuasa ini menimbangkan penubuhan Jawatankuasa2 Bahagian atau Jawatankuasa Kecil. Dan kearah itu untuk maoloman ahli2 sa-belum tertuboh-nya Jawatankuasa Kerja ini, dua Jawatankuasa sudah sedia ada yang telah mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Kedua2 Jawatankuasa ini sedang menjalankan tugas2 yang di-amanahkan kapada-nya. Satu daripada Jawatankuasa itu ia-lah Jawatankuasa Membisakan Bandar Seri Begawan, atau pun kawasan2 yang terlibat dalam perayaan ini ia-itu yang di-namakan Jawatankuasa Pembisakan Bandar Seri Begawan yang di-pengerisakan oleh Dato Paduka Awang Abdul Hamid bin Jaafar Pengarah Pertanian yang masa ini peramba, kaola, saya perchaya sedang menjalankan urusan2 yang tertentu. Satu lagi Jawatankuasa telah di-bentuk dan di-kenali sa-bagai Jawatankuasa Tanda Kenangan yang di-pengerisakan oleh Pengarah Muzium2 Brunei ia-

itu Pengiran Dato P. Shariffuddin bin Per Metali. Jawatankuasa pun peramba, kaola, perchaya telah mendapatkan chadangan2 tertentu.

SEKRETARIAT

Untuk faedah2 per-biran Jawatankuasa abis peramba, kaola, telah mengadakan ranchangan2 sa-lain dari Pengerusi dan Setiausaha serta penolong-nya, orang kakitangan dan telah juga di-lantik itu Awang Haji Bad-din bin Pengarah Othman, Ketua Pengerangan, 2 Setiausaha ia-itu Mulia Dayang Sa-haji A. Kadir dan Mulia Dayang Fae-bte Haji Hassan, dan berharap Sekretariat Badan Pentadbiran Jawatankuasa ini akan kembang menurut jua dari satu masa satu masa.

PENERANGAN DI RTB

Pengambilan Ketua gawai Penerangan punyai satu signal yang tertentu, jadi nyertaan seluruh Badan Penerangan di-Jas Setia Usaha Kerajaan akan bertugas bagi edah2 penyiaran dan nerangan kapada Jawatankuasa ini. Dem juga RTB, seluruh tan RTB itu akan kag bagi faedah2 sa-takat yang melibatkan Jawatankuasa ini.

UNTUK REKOD

Sa-lain daripada peramba, kaola, saya bagi rekod jua menjong kaseh kapada Amat Mulia Peng-tia Raja Pengiran bin Pengiran Haji Pesurohaja Polis kemudahan2 yang rikan oleh Yang Mulia itu pada pagu dan pada masa2 akan datang termasuk ramba perchaya yang di-hidangkan ramba, kaola, saya nuntut ma'af kerana da mashuarat yang ma ini oleh kerana kua terpaksa-lah di-sop pada hari Ahad yang melibatkan hari berchat ahli2 dan pegawai2 K-jaan dan juga boleh hari yang sibok bagi reka yang memper-jemputan2 untuk hadhiri perkahwinan sa-umpama-nya. insha Allah pada yang akan datang akan berkhidmat menchari kemung-mengadakan, masa2, waktu yang sesuai daripada lepasan seperti ini.

SERI BEGAWAN. — Majlis taklimat bagi orang penduduk empat buah mukim di-kampong Bahagian Penerangan Jabatan Setia Kerajaan telah berlangsung di-bilik taklimat tersebut hari Khamis lepas.

— adalah merupakan rombongan ketiga di-jemput menghadiri majlis sa-umpama itu. Rombongan pertama terdiri dari pemandu2 teksi yang mana2 mereka di-seluruh negeri dan rombongan kedua terdiri daripada pemborong2 dan usahawan.

Pada pagi itu di-mulakan dengan satu cheramah di-berikan oleh Ketua Pegawai Penerangan Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman kemudian di-ikuti dengan cheramah2 Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Awang Daerah Brunei-Muara; Awang Ibrahim A. Mohammad yang mewakili Ketua Juru2 dan cheramah daripada Pengawal Pasokan Brunei, Awang Haji Yacob Haji Mohammad

peserta pada pe- telah juga ber- mendengar- cheramah yang di- oleh Awang bin Haji Timbalan Penga- berpindahan yang Yang Amat Mu- Indera Muda Haji Pengarah Per- yang pada keti- ang berchuti di-

Pelita telah sem- emubual dengan orang peserta itu dan ternyata menghasilkan 2 dan chadang- mereka yang dengan majlis

Ahmad Ghazali tengah, 28 tahun bertugas sa- long Ketua Pe- Berita di-Jaba- dan Talivishen salah sa-orang daripada Mukim menjelaskan yang taklimat yang di- itu ada-lah me- uati inisiatif yang an yang boleh ankan maklumat merangan hidup "a" kepada peser-

pencheramah saperti Penga- an Bomba, Pega- erah Brunei dan wakil Ketua Juru- 2 dan Timbalan Perpindahan

Oleh :
SHADOON LAMZI
dan
JA'AFAR IBRAHIM



MENDENGAR cheramah yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Majlis taklimat: Menambah maklumat serta pengalaman hidup bernegara

ternyata telah berhasil memberikan gambaran yang lebih dekat mengenai dengan tanggung-jawab mereka dan majlis tersebut dengan sa-chara langsung telah berjaya memupok perasaan muhibbah di-antara pegawai2 ini dengan penduduk2

... majlis tersebut telah memberikan kesempatan kepada para peserta untuk mengajukan pertanyaan2 serta menghadapi masalah2 yang di-hadapi, terutama sekali segala yang bersangkutan dengan hal ehwal hidup di-kampung ayer.

kampung yang berkenaan," jelas beliau.

Masa yang di-peruntokan bagi majlis tersebut, menurut beliau lagi adalah terlalu pendek dan ia-nya akan lebih berkesan sa-andai-nya masa sa-hari ini di-tambah lagi.

Sementara itu, Awang Hassan bin Haji Mohammad Tahir dari Mukim Burong Pingai Ayer pula menjelaskan yang majlis tersebut telah memberikan kesempatan kepada para peserta untuk mengajukan pertanyaan2 serta menghadapi masalah2 yang di-hadapi, terutama sekali segala yang bersangkutan dengan hal ehwal hidup di-kampung ayer.

"Pihak Bomba mithalnya telah memberikan maklumat yang begitu

berharga sekali kepada para peserta tentang langkah2 yang di-ambil untuk menghindarkan kebakaran dan begitu juga jabatan2 yang lain yang terlibat dan ada-lah di-harapkan segala masalah yang di-hadapi oleh penduduk2 kampung yang di-hadapkan sa-masa majlis taklimat itu akan dapat di-ambil perhatian," tambah beliau.

"Kami terlebih dahulu menguchapkan ribuan terima kasih kerana di-beri kesempatan untuk mengikuti taklimat sengkak yang di-adakan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang mana pada keseluruhan kursus sa-umpama itu sangat-lah memuaskan kerana kami telah dapat mengutarakan

beberapa masalah yang bersekitar di-kampung ayer dan di-samping itu juga kami dapat beberapa penerangan2 yang berguna daripada pihak2 pencheramah yang di-undang pada hari itu."

Pandangan tersebut telah di-berikan oleh Awang Duraman bin Apong berumur 39 tahun yang mengikuti taklimat ketika ditemuramah oleh Pelita Brunei.

Menurut-nya, taklimat sa-umpama itu sangat-lah besar faedah-nya kepada mereka dalam mengetahui hal ehwal perkembangan dan kemajuan yang di-chapai, atau pun yang sedang di-lancarkan oleh Kerajaan DYMM dewasa ini.

"Segala penerangan dan maklumat yang kami dapat dari kursus itu akan kami salurkan dan sampaikan kepada anak2 kampung yang lain yang mana kami di-anggap sebagai 'penyambung lidah kerajaan'."

Menyentuh mengenai dengan cheramah2 yang di-adakan pada hari itu,



AWANG Mohd Yusoff ... kebanyakan cheramah itu berorientasikan 'keselamatan' kehidupan di-Kampung Ayer.



AWANG Hassan ... memberikan kesempatan kepada peserta2.



AWANG Duraman ... mengetahui hal ehwal perkembangan dan kemajuan yang di-chapai.

beliau berpendapat ia-nya perkara yang menarek dan sangat memuaskan, di-mana mithalnya kata beliau lagi, dari segi cheramah yang di-berikan oleh Jabatan Letrik telah dapat memberikan panduan serta tunjuk ajar dalam hal ehwal pemasangan barang laterik yang lebih banyak mengemukakan kesalahan2 dari segi pemasangan yang di-lakukan oleh anak2 kampung.

Awang Mohammad Yusoff bin Mohammad, berumur 38 tahun dan kini bertugas sa-bagai Pensharah di-Pusat Tingkatan Enam, dan sa-laku peserta yang mewakili Mukim Saba menjelaskan yang kursus pada hari itu ada-lah satu langkah yang baik yang di-lakukan oleh kerajaan, melalui Bahagian Penerangan sa-jajar dengan peranan jabatan tersebut sa-bagai 'mass media' ke-

Lihat muka 4



Peserta Majlis Taklimat Mukim Kampung Ayer ketika mendengar penerangan dari Ketua Pegawai Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ranchangan Penyelidekan Perpindahan yang di-adakan di-dalam pertengahan tahun 1976 di-seluruh negeri telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dari semua pihak.

Dan hasil daripada penyelidekan tersebut telah membuktikan hampir 15,000 orang atau pun $\frac{1}{3}$ daripada penduduk Negeri Brunei pada keseluruhannya telah ikut serta di-dalam kajian dan penyelidekan ranchangan ini.

Demikian telah di-nyatakan oleh Awang Haji Othman bin Haji Ya'akub, Timbalan Pengarah Perpindahan ketika memberikan cheramah kepada kira2 30 orang penduduk dari empat buah mukim di-kampung ayer di-dalam majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan

an pada hari Khamis lepas.

Awang Haji Othman sa-terus-nya menekankan yang ekor dari pada penyelidekan itu, Jabatan Perpindahan telah membuat kajian dan membuat chadangan serta sokongan daripada aspek2 yang

tertentu kepada kerajaan.

"Oleh sebab sa-suatu itu sedikit sa-banyak akan mengubah chara hidup penduduk2 di-sa-sebuah negara dan akan melibatkan perbelanjaan yang besar pada menyediakan infra struktur bangunan2 dan kemudahan awam,

Ranchangan Penyelidekan Perpindahan SAMBUTAN MENGGALAKKAN DARI SEMUA PEHAK

Oleh :

**JA'AFAR IBRAHIM
dan
SHADOON LAMZI**

maka penelitian dan pertimbangan yang sa-dalam2-nya ada-lah perlu diambil dari segi berbagai-bagai aspek yang tertentu sa-belum Ranchangan Perpindahan itu mendapat persetujuan," jelas Awang Haji Othman. Apabila di-persetujui, tambah-nya, maka perlaksanaan-nya ada-lah mengikut perengkat2 yang tertentu ia-itu seperti memilih tapak, mengkaji sifat bumi, mengukur permukaan bumi, menyediakan pelan induk untuk kawasan perpindahan keseluruhannya dan sa-lepas itu melaksanakan kerja2 tanah di-samping menyediakan infra struktur ia-itu seperti rangkaian jalanraya, bekalan ayer, letrik, talian talipon dan saloran najis dan juga menyediakan kemudahan2 awam.

Kanan sa-luas 1,116 ekar (1,700 plot), Lambak Kanan (priority B) sa-luas 970 ekar (1,500 plot), di-Rimba Gadong, 2,106 ekar, (4,200 plot) dan di-Pengkalan Si-Babau pula ia-lah 383 ekar, (700 plot).

Di-Daerah Belait pula tiga kawasan telah juga di-pilih ia-itu di-Kampung Pandan, 710 ekar, (1,350 plot), di-Kampung Sungai Liang, 700 ekar, (1,300 plot) dan di-kawasan K22 dan K23 (Lorong Tengah Seria), 890 ekar (1,650 plot).

Manakala itu di-Daerah Tutong pula satu kawasan telah di-pilih ia-itu Bukit Beruang sa-luas 1,800 ekar, (2,000 plot) dan di-Daerah Temburong di-Kampung Rataie sa-luas 320 ekar, (600 plot).

Pada perengkat pertama ranchangan ini menurut beliau, Kerajaan telah ber-setuju supaya kawasan Lambak Kanan di-majukan sa-bagai ranchangan pendahuluan atau pun "pilot scheme".

"Dan kemajuan yang di-chapai ketika ini ia-lah mengkaji sifat bumi dan mengukur permukaan bumi, mengusahakan pelan induk dan persediaan2 untuk mengukur permukaan bumi bagi kawasan2 perpindahan lain di-merata negeri sedang juga di-usahakan," ujar-nya.

Dalam pada itu, Kerajaan, jelas beliau telah ju-



Awang Othman bin Haji Yaakub

ga bersetuju bahawa ranchangan perpindahan di-laksanakan sa-chap berperengkat-perengkat ia-itu perengkat pertama hingga V, perengkat kedua untuk orang2 awam ia-itu termasuk pegawai Kerajaan yang tidak berhak meminjam wang dan ngan sekim pinjaman rumah dan perengkat ketiga pula untuk penduduk2 tap.

Awang Haji Othman telah menggariskan matlamat ranchangan perpindahan ini di-adakan yang mana termasuklah mewujudkan ketinggian kedaulatan Diraja serta kebanggaan Negara Brunei Darussalam; mewujudkan ketinggian taraf hidup; mewujudkan ketinggian kesejahteraan, kebahagiaan dan kemakmuran dan juga mewujudkan kemantapan keamanan dan ketenteraman negara.



SA-BAHAGIAN dari peserta Majlis Taklimat bagi Mukim Kampung Ayer.

Lawatan penuntut2 ka-AMDB

PERKHEMAHAN BOL-KIAH.—Satu rombongan sa-ramai 34 orang penuntut termasuk dua orang guru dari Sekolah Menengah St Angela's Seria telah membuat lawatan ka-beberapa chawangan Pusat Latehan dan Angkatan Laut AMDB pada hari Selasa lalu.

Sa-belum memulakan lawatan, rombongan tersebut di-bawa ka-Dewan

Pusat Latehan bagi mendengar taklimat dari Pegawai Pengambilan AMDB Yang Dimulakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Awang Haji Musa bin Haji Ya'akub mengenai kegiatan dan perkembangan kerjanya tersebut.

Lawatan sambil belajar anjoran sekolah tersebut ada-lah bertujuan untuk

menarik minat para pelajar serta memperkenalkan lebih dekat lagi dengan kegiatan2 ketenteraan.

Muzium Pasokan, Kompleks Askar Muda, Pusat Pelajaran, dan Bengkel Pasokan ada-lah di-antara tempat2 yang menjadi kunjungan kepada rombongan itu yang di-temani oleh Lt Ya'akub dan WO2 Abd Rajab pegawai dari Perkhemahan Bolkiah.

Di-sebelah petang-nya, rombongan itu telah meneruskan lawatan-nya ka-beberapa chawangan Angkatan Laut yang berpangkalan di-Muara dengan menaiki pesawat helikopter.

Terdahulu dari itu, rombongan itu juga telah mendengar taklimat mengenai sejarah penubuhan, peranan, kegiatan, dan perkembangan angkatan laut yang telah di-sampaikan oleh Kapitan Latif.

Kemudian-nya rombongan itu telah di-bawa melawat2 di-sekitar chawangan bangunan itu dengan di-temui oleh Lt. Hj Hassanuddin dan WO2 Junaidi.

Di-akhir lawatan itu, rombongan tersebut telah berpeluang menaiki dua buah kapal tentera ia-itu SETRIA dan PEJUANG yang berpangkalan di-Muara.

Siapkan diri bagi mengisi kemerdekaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

—Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani telah mengingatkan belia2 dan beliawanis2 di-negeri ini supaya menyiapkan diri dari sekarang bagi mengisi kemerdekaan yang kini sudah hampir waktu-nya.

Berucap di-majlis taklimat mengenai Peraduan Ulasan Buku anjoran DBP yang berlangsung di-Bilek Kuliah, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini minggu lalu, beliau seterusnya berkata belia2 dan beliawanis2 perlu melengkapi diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang tinggi bagi mensejajarkan peranan belia2 dengan negara2 yang sudah merdeka. Lebih 70 orang belia dan beliawanis telah menghadiri majlis tersebut.

Menurut-nya, para belia dan beliawanis di-negeri ini amat beruntung dan bernasib baik kerana kesejahteraan dan kebahagiaan mereka sentiasa mendapat perhatian utama dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dari segi

pelajaran, kerajaan sentiasa memberi keistimewaan2 daripada perengkat kindergarten hingga-lah ka-perengkat pengajian tinggi yang mana, kata-nya, keistimewaan2 itu jarang2 di-kecapi oleh mana2 belia di-tempat lain.

Sa-banyak 60 buah buku telah di-sediakan untuk di-ulas, yang mana peraduan itu terbahagi kepada dua sudut ia-itu Ulasan Buku Bukan Fikshen dan Ulasan Buku Fikshen. Panjang tiap2 sa-buah buku yang di-ulas ia-lah di-antara 500 hingga 700 perkataan.

Para peserta yang terdiri daripada belia2 dan beliawanis2 dalam lingkungan umur 15-20 tahun yang ingin menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan di-samping mendapatkan buku2 yang hendak di-ulas daripada Perpustakaan Awam, Dewan Bahasa dan Pustaka di-bu negeri atau Chawangan2 Perpustakaan di-Kuala Belait, Seria, Tutong, Temburong dan perpustakaan bergerak di-tempat2 persinggahan yang biasa. Peraduan

ini akan di-tutup pada Julai depan.

Menurut sa-orang juru-kap pehak penganjor berikah bahawa peraduan ini adal-ah yang julong2 kali pernah di-adakan yang merupakan satu chabang cipta sastera.

Kata-nya, peraduan ini bertujuan :

★ Untuk menggalakkan belia2 dalam lingkungan tersebut bergiat dalam lapuan kreativiti sastera;

★ Menanam semangat-gin membaca di-kalangan mereka; dan

★ Memupok dan mempertajam daya penilaian mereka dengan mengemukakan ulasan buku yang boleh ketengahkan.

Menurut-nya lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka telah memperuntukkan sa-jumlah \$1,200.00 bagi peraduan tersebut. Perengkat pertama bagi peraduan akan menerima \$200, \$150 dan ketiga \$100. hadiah penghormatan akan di-beri yang \$50 tiap2 sa-orang.

Kapada pasangan2 bertunang :

CHARI JALAN BAIK LAGI BERKESAN

SA-MAKIN lama zaman berlalu sa-makin jauh perubahan berlaku dalam chorak kehidupan kita. Benarlah seperti kata pepatah: sekali ayer bah, sa-kali pantai berubah. Lain hulu lain pamarang, lain dahulu lain sekarang.

Menurut orang tua2 yang sempat hidup di-ta-hun tiga pulohan Masehi, chorak kehidupan masha-rakat Islam di-negeri ini amat jauh beza-nya dengan keadaan yang ada sekarang. Mithal dari segi pergaulan lelaki dan perempuan pada zaman itu tidak-lah bebas seperti zaman sekarang. Pada zaman itu gadis2 kita amat sokar dapat di-lihat ber-ada di-luar2 rumah. Ke-rana itu tidak hairan ka-lau sa-tengah2 orang yang bertunang langsung tidak dapat melihat pasangan-nya melainkan sa-sudah mereka melangsungkan upacara perkahwinan.

Tetapi dengan ada-nya peredaran zaman, keadaan itu sa-makin lama sa-makin berubah, lebeh2 di-tahun2 kebelakangan ini di-mana masyarakat kita turut terpengaruh dengan aliran zaman yang sa-makin maju dan berkembang. Pasangan2 yang sedang bertunang bukan sahaja boleh melihat dengan bebas pasangan masing2 bahkan boleh di-katakan pada umom-nya bagaikan sah menjadi suami isteri, bila mana mereka bergaul dan bermesra dengan bebas serta berduaduan ka-sana ka-mari sa-dah tiada menjadi kesalah2 di-sisi Uagama Islam dan undang2 negeri.

Kesan dari kebebasan itu maka boleh di-katakan pasangan2 yang bertunang itu-lah yang paling ramai terlibat melakukan jena-jah ugama seperti khalwat dan bersetubuh haram seperti yang terdapat dalam kes2 perbicharaan di-kahkamah2 kadhi. Sa-tengah2 pasangan perempu-an pula ada yang di-dapat mengandung atau telah melahirkan anak di-luar nikah. Dan yang lebeh malang lagi ada pu-la di-antara-nya tidak jadi di-nikahi oleh tunang-nya kerana lelaki terpicat de-ngan gadis yang lain. Hal seperti ini bukan tidak per-nah menyebabkan terjadi-nya suasana tegang di-antara pehak keluarga perempu-an dengan pehak keluarga lelaki yang ber-kenaan. Puncta utama yang menyebabkan hal2 ini berlaku ia-lah di-sebabkan kebebasan per-gaulan antara mereka yang sedang berada di-dalam pertunangan.

Masalah ini kita rasa mustahak di-beri perhati-an yang sa-wajar-nya oleh sa-genap lapisan masha-rakat Islam. Perhatian itu

perlu-lah di-tumpukan pa-da mencari jalan bagi mengatasi-nya, jangan sampai hal ini terbiar ber-larutan begitu sahaja se-dangkan bahaya dan aki-bat-nya sudah kita keta-hui.

Satu langkah yang kita rasa paling berkesan ia-lah dengan chara memen-dekan jangka waktu ber-tunang dengan sa-pendek2 yang boleh atau dengan kata2 yang lain mana2 pa-sangan yang berha-jat hen-dak melangsungkan upa-chara persandingan mereka dalam jangka waktu yang agak lama di-masa hada-pan ada-lah lebeh baik di-akad nikahkan terlebeh dahulu di-perengkat yang lebeh awal, ia-itu samada sa-waktu di-adakan majlis hantaran atau terkemudi-an sedikit di-dalam bebe-rapa hari sa-sudah itu.

Orang2 Islam di-negeri jiran kita di-rantau Asia Tenggara ini menyebutkan perkara sa-umpama ini sa-bagai nikah gantong, di-mana pasangan2 yang masih begitu lama lagi hendak melangsungkan upacara persandingan di-akad nikahkan terlebeh dahulu. Dan sementara menanti berlangsung-nya persandingan mereka di-kira masih terlarang ber-satu menurut pandangan adat.

Rasa-nya langkah ber-jaga-jaga seperti ini amat-lah elok dan berkesan bagi membendung kejadi-an2 maksiat di-kalangan pasangan2 yang sedang bertunang. Kerana dengan ada-nya akad nikah itu muslihat mereka menjadi suami isteri dan jika ber-laku hal2 yang di-luar dugaan dalam perengkat menanti hari melangsung-kan upacara persandingan itu tentu-lah tiada tim-bul berbagai-bagai masa-alah lagi. Kalau mereka berduaduan ka-sana ka-mari, apa-lah yang hendak di-bimbangkan lagi kerana mereka ada-lah sa-bagai suami isteri. Kalau terjadi persetubuhan dan menyeb-akkan perempuan mengang-dong dan melahirkan anak, apa-lah yang hendak di-risaukan lagi kerana anak itu tetap-lah anak di-dalam nikah. Jadi dengan demikian ugama, nama baik mereka dan keluarga serta keturunan mereka terjaga dan terpelihara de-ngan baik.

Kita umat Islam ada-lah di-suroh oleh Allah s.w.t. supaya mengawal dan menjaga ugama kita, menjaga maruah dan na-ma baik kita, dan menjaga keturunan kita jangan sampai ia-nya termasuk dalam istilah anak di-luar nikah.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Tahrim ayat 6, yang bermaksud: "Wahai orang2 yang ber-

iman selamatkanlah diri kamu dan ahli2 keluarga kamu daripada azab api neraka, yang mana bahan bakar dan kayu api-nya terdiri daripada manusia dan batu, sedangkan pen-jaga-nya terdiri daripada malaikat2 yang garang lagi keras, mereka tiada membantah dan mendur-haka kapada Allah atas apa yang di-perintahkan-Nya kapada mereka dan mereka sentiasa bersedia mengerjakan apa2 yang di-perintahkan kapada mere-ka".

Dari itu mari-lah sama2



kita memikirkan mengenai masaalah pasangan2 yang sedang bertunang ini dan chuba mencari jalan yang baik lagi berkesan untuk mengatasi-nya demi untuk memelihara ugama, nama baik dan keturunan kita.

PERANAN HATI KAPADA SETIAP AMALAN

ISLAM ada-lah suatu ugama yang mem-punyai prinsip2 yang kuat untuk kebahagiaan dan kebaikan seluruh umat-nya di-dunia dan akhirat. Di-antara-nya ia-lah prinsip pembentokan akhlak yang baik supaya manusia itu dapat mem-pertimbangkan di-antara keburokan dan kebaikan. Dalam perkara memper-timbangkan keburokan dan kebaikan ini-lah, di-dalam tubuh badan sa-se-orang itu terdapat sa-ke-tul daging yang kechil, yang mana sungoh pun kechil bentok-nya, namun pengaruh-nya besar sa-kali terhadap kesempur-naan hidup sa-seorang itu, yang di-maksudkan sa-ke-tul daging yang ke-chil itu ia-lah 'HATI'.

Hati yang terdapat di-dalam badan sa-seorang itu ada-lah merupakan kemudi bagi akhlak dan amalan-nya, kerana pen-garuh-nya akan dapat menentukan sama ada baik atau burok-nya sa-seorang manusia itu, sa-bagaimana maksud sa-buah hadith Rasulullah S.A.W yang di-riwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, yang maksud-nya kira2: "Dan ketahuilah bahawa pada sa-tiap ja-sad itu ada sa-ke-tul daging. Sa-kira-nya ia baik, baik-lah seluruh jasad itu, dan sa-kira-nya ia rosak, rosak-lah seluruh jasad itu. Ia itu-lah hati".

Maka dari pengaruh hati-lah akan lahir ma-nusia yang baik atau yang jahat, sa-terus-nya manu-sia yang berguna atau tidak dalam sa-sebuah masyarakat.

Tegas-nya hati manusia itu menjadi puncta baik dan burok akhlak dan amalan-nya. Sa-kira-nya akhlak dan amalan itu rosak, maka rosak-lah sa-seorang itu, sa-balek-nya

jika baik akhlak dan amalan-nya, sudah tentu akan mencapai keba-hagiaan diri dan juga ke-baikkan dalam masha-rakat. Kerana itu hati hen-dak-lah selalu di-berse-hkan ia-itu dengan selalu mengingati Allah (S.W.T)

Sa-seorang yang mem-punyai hati yang tidak berse-h selalu-nya melaku-kan tindakan yang liar dan merbahaya. Ia akan menjadi lebeh liar lagi jika di-biarkan jauh da-lam kesesatan, ia akan suka bertengkar dan akhir-nya menjadi puncta pergaduhan, segala kata2 yang di-ucapkan sentia-sa kata2 yang tidak baik, ini semua ada-lah atas dorongan perasaan yang menurutkan kehendak hati tanpa di-sandarkan ka-pada akhlak dan iman serta amalan yang tulus ikhlas sa-mata2 kerana Allah S.W.T.

Ada pun yang men-yebabkan hati selalu menguasai perasaan ia-lah kerana manusia hari ini telah jauh dari landasan chahaya iktikad dan ke-perchayaan yang sa-benar-nya. Manusia telah jauh di-seisahkan oleh arus badai kebendaan yang melanda hati manusia yang tidak mempunyai kepercayaan yang kukoh terhadap ke-kuasaan Allah. Justeru itu dengan mudah sahaja di-pengerohi dengan ber-bagai-bagai perkara yang merosakkan, mata hati mereka yang bersifat sa-demikian telah di-tutup dari segala seruan kapada jalan kebaikan, pandang-an mereka juga telah ter-pesong dari yang sa-benar, dan pendengaran mereka juga telah ter-sumbat dari menerima pendengaran ka-jalan ke-baikkan.

Demikian-lah dapat kita lihat betapa penting-nya hati memainkan pe-

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb Mei, 1981 hingga ka-hari Selasa 19hb Mei, 1981 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
13hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
14hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
15hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
16hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05
17hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05
18hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05
19hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan minggu ini

ranan dalam tubuh sa-tiap orang muslim. Ini di-ikuti pula dengan ke-imaan yang tegoh ter-hadap Allah tanpa ber-belah-bahagi. Kerana itu-lah hati sa-tiap orang Is-lam hendak-lah selalu bersih dan jujur, kerana hati itu ada-lah pengawal yang akan menjaga sa-se-orang itu dari melakukan tindakan yang tidak usol periksa di-mana2 dan pada bila2 masa sahaja. Ketenangan hati dan jiwa sa-tiap umat Islam hanya pada keshukoran-nya ka-pada Allah, menshukori nikmat Allah hendak-lah dengan mengerjakan se-gala surohan-nya dan menjauhi segala apa jua larangan-nya.

Tegas-nya, hati itu akan sentiasa merasa tenang dan tenteram, sa-lagi jiwa terus berdampingan de-ngan akhlak yang mulia serta mengerjakan segala yang hak dan baik, sa-balik-nya jika jiwa melau-kan dosa, maka pasti-lah hati yang tenang dan tenteram akan berubah sikap-nya menjadi sempit dan terganggu-gugat oleh kelakuan anggota yang menyeleweng dari yang hak dan benar itu.

Kerana itu jika di-rasa-kan hati selalu mendorong melakukan kapada per-kara2 yang mungkar, hen-dak-lah di-chari ubat pe-nawar-nya ia-itu dengan taubat. Sebab dengan ber-

taubat sa-benar2 taubat, sa-kurang2-nya hati akan kembali tenteram, sa-ba-gaimana sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh At-Termizi, yang bermak-sud kira2 "Bila sa-seorang itu melakukan dosa, maka hati-nya akan menjadi ge-lap-pekak. Jika ia bertau-bat, baru-lah mengilap atau berchahaya sa-mula hati itu".

Meski pun hakikat-nya bertaubat itu hanya-lah menggantungkan harapan kapada Allah, agar Dia (Allah) mengampunkan dosa yang di-perbuat sa-chara telanjor atau seng-haja. Sa-benar-nya itu-lah sa-baik2 chara yang patut di-lakukan oleh manusia, kerana tiada yang lebeh baik daripada menggantungkan harapan kapada Allah dengan niat yang suchi dan hati yang tulus ikhlas, neschaya Allah ti-dak akan mensia-siakan-nya, kerana ini sesuai dengan maksud firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 135, yang membawa maksud kira2:

"Dan orang yang apa-bila telah melakukan perbuatan keji atau meng-inyaya diri-nya sendiri, mereka ingat kapada Allah lalu memohon am-pun atas dosa2-nya. Dan siapa lagi yang akan mengampuni dosa sa-lain Allah? Dan mereka tiada meneruskan perbuatan yang burok itu, sedang mereka mengetahui".

Dari itu kita sa-bagai umat Islam, harus-lah se-lalu insaf terhadap diri sendiri pada sa-tiap wa-ku dan keadaan, jangan-lah menurut kehendak ha-ti semata2, dengan demiki-an moga2 kita selalu di-lingkungi oleh rahmat Allah dan di-jauhi dari marabahaya-Nya.

MASAALAH: Orang yang mengerjakan puasa, bersedekah dan mengerjakan haji tetapi tidak sembahyang dapatkah pahala amalan puasa-nya itu memberi pertolongan kepada-nya diakhirat?

JAWAPAN:

Orang yang mengerjakan puasa dengan chukop syarat-nya maka sah puasa-nya dan dia akan mendapat pahala kerana berpuasa itu. Begitu juga dia akan mendapat pahala jika sedekah-nya dari hartanya yang halal, bukan dari harta yang aniaya, rampasan atau rasuah atau churi atau dari judi atau dari harta orang tuannya tiada redha ia mengambil akan harta-nya. Juga dia akan dapat pahala jika dia mengerjakan haji dengan ada chukop syarat-nya dan belanja2 haji itu dari harta yang didapat dengan jalan yang halal.

Dalil atas perkara yang tersebut ia-lah suatu hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Sahabat Abi Hurairah, sabda Rasulullah s.a.w. "*Bahawa Allah Ta'ala itu suchi, tiada-lah Ia menerima akan sa-suatunya melainkan sa-suatunya itu suchi.*" Yakni: Allah Ta'ala itu suchi dari segala kekurangan dan dari segala 'aib, dan Ia tiada menerima dari amal itu melainkan amal itu bagus suchi dari kerosakan seperti ria' dan 'ujub, dan tiada menerima dari harta itu melainkan harta yang bagus lagi halal.

FASIK

Mengenai orang itu tiada mengerjakan sembahyang,

BERPUASA, NAIK HAJI

DAN BERSEDEKAH TETAPI TIDAK SEMBAHYANG

Siri ke-79

yang, yakni sembahyang fardhu yang lima dan sembahyang Jumaat maka yang sa-demikian itu hukum-nya fasik dan dia berdosa. Terta'alok-lah di atas pertimbangan kehendak iradat Allah s.w.t. kiranya dia di-ampunkan dia akan lepas dari api neraka, dan kira-nya dia tidak di-ampunkan maka dia di-azab sa-kadar dan sa-berat dosa dia meninggalkan sembahyang fardhu itu. Kemudian baharu-lah dia di-masokkan ka-dalam shurga.

Hendak-lah di-ketahui bahawa sembahyang itu suatu perkara yang amat besar di-dalam Islam, kerana dengan sembahyang

itu sa-seorang dapat mengawal dan memelihara iman-nya sebab dalam setiap sembahyang fardhu itu satu atau dua kali dia mengucap shahadat atau dengan ibarat yang lain dia membaharui iman-nya dengan mengucap shahadat itu.

PENDUDOK

NERAKA

Allah s.w.t. berfirman menceritakan perihal pendudok neraka sa-bagaimana dalam Al-Kor'an Surah Al-Muddathir ayat 42-45: Tafsir-nya: *Orang2 mu'min bertanya akan hal*

orang2 jahat ahli neraka, sa-telah di-keluarkan orang2 yang beriman dari neraka: "Apa yang menyebabkan kamu masuk neraka?" Jawab mereka: "Kami tiada sembahyang, dan kami tiada ada memberi makan orang2 fakir miskin, dan kami mengambil bahagian dalam perkara2 yang salah dan batil beserta orang2 lain yang mengambil bahagian pada-nya."

Orang2 yang sa-macam itu di-namakan dia orang menchampur adokkan amal saleh dan amal taleh (jahat). Dia di-beri pahala di atas kebajikan-nya dan di-siksa di atas kejahatan-nya. Orang ini nanfa-nya orang fasik kerana mem-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS




HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

buat dosa meninggalkan sembahyang sementara itu ada sa-buah hadith di-keluarkan oleh Al-Imam Ahmad berbunyi: "*Di-antara sa-seorang itu dengan kufur ia-lah meninggalkan sembahyang.*" Yakni: sembahyang ada-lah menghalang sa-seorang itu dari kufur.

Dan hadith yang di-keluarkan oleh Al-Imam Muslim berbunyi: "*Di-antara sa-seorang itu dengan shirik (menyekutukan Allah) atau kufur ia-lah meninggalkan sembahyang.*" Yakni: sembahyang itu jadi batu penghalang menjaga dari shirik dan kufur.

Rengkas-nya: Menchuaikan perintah Allah Ta'ala ada-lah keadaan amat berbahaya dan amat menakutkan yang di-khawatiri akan membawa kesudahan umur (mati) dalam keadaan yang buruk. Barang di-jauhkan Allah jua . . . !

WALLAHU A'ALAM



YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri ketika menyampaikan oskar kepada johan qariah Datin Dk Mariam bte Pg Ahmad di-Peraduan Membaca kitab suchi Al-Kor'an bagi Pasokan Pulis Diraja Brunei, manakala gam bar kanan atas pasokan nashid ini tidak ketinggalan mengalunkan persembahan mereka bagi menyeronokkan lagi peraduan tersebut.

Mencapai kebahagiaan bangsa:

NILAI2 ISLAM PATUT DI-SERAPKAN

PEKAN BANGAR.— Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria Jeneh berkata, perjuangan kita untuk mencapai kebahagiaan itu tidak hanya memerlukan alat2 teknik dan bahan2 lahiriah atau ilmu2 sains dan teknologi sahaja.

Ini menurut-nya, nilai2 Islam patut di-serapkan untuk menjamin perimbangan yang di-perlukan antara pengaruh kebendaan yang mudah menimbulkan kepinchangan dan nilai kerohanian yang menjamin kesucian dan kebahagiaan sa-benar-nya.

"Bagi kita kaum muslimin tidak ada pilihan lain untuk di-jadikan sandaran dan pedoman hidup kecuali Al-Kor'an, sumber segala kebenaran," tegas Pegawai Daerah Temburong sa-jurus sebelum merasmikan Perantaraan Membaca Al-Kor'an peringkat dewasa bagi daerah Temburong yang telah berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan, di sini pada malam Khamis pas.

Al-Kor'an tidak di-sangka sa-bagai kitab agung yang tinggi darjat-nya, kerana kata-nya, kitab ini diperelihara dan terselamat dari ubahsuai, tambahan, pengurangan dan sa-bagai di-nya sama ada dari segi makna dan isi kandungan-nya.

Sa-bagai sa-buah kitab yang agung, ujar-nya lagi, tentu-lah isi kandongannya mempunyai pengajaran2 yang serba lengkap yang boleh menjadi pegangan umat manusia un-



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Jeneh (JHEU).

tok panduan hidup dan sesuai dengan kehendak2 pembangunan negara.

Kata-nya, untuk menimbulkan kesedaran supaya umat Islam mendekati Al-Kor'an, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah pun mengatorkan dan menyediakan langkah2 praktikal dengan menganjurkan kelas2 dewasa dan sekolah2 agama yang khusus untuk tujuan pelajaran2 Al-Kor'an dan pengetahuan Agama Islam.

Walau bagaimana pun, Awang Haji Zakaria berkata, terpulang-lah kepada kita untuk menyambut dan mengambil peluang2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan itu.

Beliau menyeru umat Islam di-negeri ini supaya menyedari tentang pentingnya mempelajari Al-Kor'an itu, kerana "sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna."

Turut juga berucap di-majlis itu termasuk-lah Kadhi Daerah Temburong, Awang Haji Besar

bin Abu Bakar, sa-laku pengerusi peraduan disamping satu sharahan khas oleh Pegawai Agama, Ustaz Aliuddin bin Haji Yaakub.

Daerah Temburong telah memilih johan2 dan naib2 johan qari dan qariah untuk menyertai Peraduan Membaca Al-Kor'an peringkat akhir yang akan berlangsung pada bulan depan di-Bandar Seri Begawan. Qari terdiri dari Awang Nordin bin Haji Arshad dan Awang Mohd Said bin Ariffin. Sementara qariah ia-lah Dk Maskach bte Pg Haji Abdul Rahman dan Dayang Fatimah bte Bungkol.



MBB pileh wakil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usaha untuk memperkembangkan bacaan Al-Koran di-kalangan belia2 dan beliawanis2 di-negeri ini, Jabatan Kebajikan Belia dan

Sokan dengan kerjasama MBB buat pertama kali pada tahun ini telah mengadakan pertandingan membaca Al-Koran bagi persatuan2 belia dan kebajikan di-seluruh negeri.

Dalam pertandingan pada malam itu sa-ramai 16 orang peserta termasuk enam orang qariah telah mengambil bahagian.

PEMENANG

Dalam bahagian qari tempat pertama telah disandang oleh Awang Abd Rahman bin Haji Md Salleh wakil dari Persatuan Perkasa dengan markah 86.00 peratus. Sementara tempat kedua jatuh kepada Awang Osman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Md. Tamin dari Persatuan Belia Sumbiling dengan markah 82.00 peratus dan pemenang ketiga ia-lah Awang bin Awang Jaafar dari Persatuan Kampong Pandai Besi dengan 81.00 peratus.

Dayang Rokiah bte Ibrahim wakil dari Persatuan Belia Sungai Besar telah munchol sa-bagai juara dalam bahagian qariah dengan memperoleh mata 79.00 peratus, kedua di-menangi oleh Dayang Rosmawati binte Haji Sulaiman dari Persatuan Pertiwi Brunei dengan 76.00 peratus dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Hajjah Siti Jauiyah binte Mudim Haji Abd. Wahid dari Persatuan Pusaka Kampong Sungai Kebun dengan markah 75.00 peratus.

Johan, naib johan dan pemenang ketiga kedua2 bahagian akan mewakili Daerah Brunei/Muara dan Temburong ka-pertandingan membaca Al-Koran belia2 peringkat sa-negeri yang akan diadakan di-Dewan Pusat Belia pada 14hb. Mei ini nanti.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerjaan Raja Dato Setia Awang Hj Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

Isra' Me'raj siaran langsung RTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu ranchangan khas Sambutan Isra Me'raj 1401/1981 akan disiarkan oleh Talivishen Brunei pada 30hb Mei, 1981 bersamaan malam 27hb Rejab, 1401.

Antara acara yang akan mengisikan ranchangan khas itu ia-lah: Bacaan Al-Kor'an oleh Johan Qari Antarabangsa 1977 Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit, perutusan yang akan di-sampaikan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Umma, Haji Yahya bin Haji Ibrahim, dua buah persembahan nashid dari penuntut2 Mak-

tab Perguruan Umma Seri Begawan, Brunei, charamah mengenai tema sambutan "MEMBANGUN DENGAN KEIMANAN" oleh Pengerusi Jawatankuasa sambutan Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. Dan acara kemuncak dalam ranchangan tersebut ia-lah "MEMBA-CHA ME'RAJ" akan di-sampaikan oleh Pegawai Umma Kanan, Awang Hj Abd Aziz bin Juned.

Achara2 di-atas di-jangka akan dapat di-ton-ton melalui siaran Talivishen Brunei pada hari tersebut sa-lepas siaran Berita Melayu, kira2 jam 8.30 malam.

Nashid perangkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nashid Perangkat Sa-paroh Akhir Sempena Sambutan Isra' Me'raj 1401/1981 akan di-langsungkan di-Dewan Maktab Perguruan Umma Seri Begawan, Batu 1 1/2 Jalan Tutong pada 15hb Mei, 1981 (hari Jumaat) mulai jam 8.15 pagi.

Sa-banyak 17 buah pasukan yang mewakili keempat2 daerah di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Dari sa-jumlah itu hanya 10 buah pasukan ia-itu lima buah pasukan lelaki dan lima buah pasukan perempuan akan di-

pileh memasoki pertandingan Nashid Perangkat Akhir Sa-Negeri.

Pertandingan Perangkat Akhir ini akan di-siarkan sa-chara langsung dari Dewan Raya RTB pada 7hb Jun, 1981 akan datang.

Sementara itu peraduan menulis makalah, cherpen dan sajak maseh terus dibuka kepada orang ramai dan penuntut2 sekolah menengah di-negeri ini sahingga awal bulan Jun depan. Syarat2 pertandingan boleh di-dapati dari Awang Abd Hamid bin Tamat dan Awang Timbang bin Bakar di-Jabatan Hal Ehwal Umma, Bandar Seri Begawan.



JOHAN bahagian qari Awang Nordin Haji Arshad sedang menerima piala kemenangan-nya yang di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanafiah (JHEU).

TAHUN ANTARA-BANGSA ORANG2 CHACHAT BAGI BRUNEI DI-LANCHAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umom Kebawah DYMM Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa telah merasmikan pelancharan Tahun Antarabangsa bagi orang2 Chachat di-Brunei tahun 1981 yang telah di-langsungkan di-dewan Pusat Belia di-sini pada hari Rabu 6hb Mei lepas.

Perasmian pelancharan pada pagi itu di-mulakan

dengan berbagai-bagai persembahan yang di-sem-bahkan sendiri oleh orang2 chachat di-negeri ini. Persembahan2 tersebut ia-lah nyanyian, deklamasi sajak dan nashid.

Kemudian di-ikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Peker-ma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain, sa-laku pengerusi pelancharan pada pagi itu dan di-ikuti dengan ucapan YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia

Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Perayaan sambutan Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat di-sa-panjang tahun 1981 ini

sa-mata-mata bertujuan bagi menimbulkan kesedaran di-kalangan orang ramai terhadap nasib yang di-hadapi oleh orang2 chachat dalam masyarakat; supaya orang ramai, akan tampil ka-hadapan untuk melibatkan diri dalam usaha2 pemulahan dan pertolongan kepada orang2 chachat dan bagi menerima orang2 chachat sa-bagai sa-bahagian daripada anggota masyarakat.

Thema pelancharan Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat di-Brunei berbunyi "Terima-lah orang2 chachat dan bantu-lah mereka untuk membantu diri mereka sendiri".

Hadhir sama di-majlis tersebut termasuk-lah Yang Berhormat Setia-usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang

Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Speaker Dewan MMN; Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji

Abas, Peguam Negara Brunei; YAM Pengiran cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, ketua2 jabatan pegawai2 kanan kerajaan penghulu2 serta ketua2 kampung.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa, YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, dan YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain ketika hadir di-majlis perasmian pada pagi itu.



KELIHATAN orang2 buta yang di-raikan mendengarkan lagu yang bertajuk "Bertaqwa Kepada Allah."



SA-BAHAGIAN daripada orang2 chachat yang di-raikan kelihatan begitu riang di-hari pelancharan tersebut.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja (gambar atas dan bawah) ketika bersalaman dengan orang chachat yang di-raikan pada pagi itu.



Berkursus

GADONG. — Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei telah menganjurkan satu kursus dalam penghakiman Sokan khas bagi guru2 pendidikan jasmani seluruh negeri.

Kursus yang julong2 kali-nya di-anjurkan itu ada-lah meliputi teori dan pratikal dalam chara track dan padang dan di-adakan di-Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah di-sini.

Kursus yang di-jalankan pada sebelah pagi dan petang itu di-adakan sa-lama tiga hari sa-tiap hujung minggu.

Menurut sa-orang juru chakap penganjur, kursus tersebut di-sertai oleh lebih daripada 20 orang peserta dan ia-nya di-kendalikan oleh sa-orang pegawai pelajaran, Awg B.W. Fernandez yang mempunyai pengalaman dalam bidang penghakiman sokan.

SATU-TIAP usaha di-lakukan yang bertujuan bagi mewujudkan suasana kehidupan dan masyarakat yang sehat, sa-tentu-nya memerlukan sokongan dan kerjasama erat dari orang ramai dan penduduk2 negeri. Usaha2 itu hanya akan berjalan dengan lancar akan menemui kejayaan dengan ada-nya bantuan sokongan dari raayat dan penduduk2 negeri ini, an juga dari pihak yang berkenaan, yang faedah-nya akan sahaja untuk kesihatan individu, malah yang penting untuk mewujudkan sa-buah negara yang berpenduduk sihat.

Satu dari usaha positif yang di-lancarkan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, sa-in dari usaha2 menchegeh penyakit kolera dan penghapusan malaria, ia-lah gerakan menchegeh dari jangkitan penyakit batuk kering dan mengawal-nya dari merebak.

Bahagian Klinik Dada, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, dalam usaha mereka untuk mengesan penduduk2 negeri ini dari jangkitan penyakit batuk kering, ini sedang mempergiatkan gerakan x-ray di awasan2 perkampungan di-Daerah Tutong.

Kampung yang terlibat dalam gerakan tersebut ini ia-lah Kampung Luagan di-Daerah Tutong, yang meliputi Batu 16 Jalan Tutong. Juga termasuk dalam gerakan tersebut ia-lah Kampung Marabun.

Saperti juga yang lazimnya di-lakukan terhadap kampung2 yang lain, di mana gerakan x-ray perubatan di-jalankan, kaki-tangan Bahagian Klinik Dada lebih dahulu diarah bagi mengadakan pendaftaran dari rumah penduduk2 kampung Kupang dan Luagan yang berusia 15 tahun ka-atas. Pendaftaran2 telah di-lakukan bagi penduduk2 kampung tersebut pada 26hb hingga 28hb April yang baru.

Apa yang nampak-nya istimewa dalam gerakan x-ray kali ini ia-lah penggunaan Kenderaan X-Ray Bergerak, yang buat pertama kali-nya di-gunakan bagi Kempen X-Ray di awasan2 perkampungan. Kenderaan tersebut, yang bernilai lebih dari \$175,000 dan di-lengkapkan dengan mesin penggambaran dengan penggunaan alat generator, telah mula di-gunakan pada 11hb Februari, 1981, dalam usaha melancarkan gerakan x-ray bagi pegawai2 dan kaki-tangan2 Jabatan Kerajaan. Sa-takat ini kenderaan tersebut telah di-gunakan bagi penggambaran x-ray pegawai2 dan kakitangan2 dari 25 buah Jabatan Kerajaan.

Berikutan dengan penggunaan Kenderaan X-Ray Bergerak, Penguasa Klinik2 Dada Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Mohd Said bin Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar, yang juga mengetuai pelancaran X-Ray Bergerak di-Kampung Luagan sa-lama tiga hari, bermula pada 4hb Mei lalu, menjelaskan bahawa penggunaan kenderaan tersebut dalam Kempen X-Ray ini akan lebih melicinkan lagi usaha2 mengesan dan mengawal penyakit batuk kering dari merebak.

Perbezaan-nya sekarang ia-lah penduduk2 kampung tidak perlu lagi diangkut dengan kenderaan yang di-sediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan untuk menjalani penggambaran di-rumah sakit daerah2 yang berkenaan.

Kehadiran kenderaan X-Ray Bergerak yang di-bekalkan dengan alat2 penggambaran, hanya memerlukan mereka untuk berkumpul di-satu tempat yang di-tetapkan, dan seterusnya menjalani penggambaran di-tempat itu juga.

Namun begitu, jabatan tersebut masih lagi me-

nyediakan kenderaan bagi pengangkutan penduduk2 kampung yang tempat tinggal-nya jauh dari pusat perhentian Kenderaan X-Ray Bergerak. Di-samping itu, chara2 ini juga akan menjamin keselamatan penduduk2 kampung, kerana mereka tidak lagi perlu menaiki kenderaan untuk turun ka-bandar dan ia-nya juga menjimatkan masa penduduk2 kampung sa-lain dari menchepatrick masa kempen itu di-jalankan.

Penduduk2 kampung yang di-dapati mengidap penyakit batuk kering atau lain2 penyakit di-bahagian dada, akan dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan lanjut.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Md Said, mengharapkan supaya penduduk2 kampung yang akan di-lawati nanti akan

sentiasa membantu dan memberikan kerjasama kepada kaki-tangan2 kerajaan yang bertugas dalam Kempen X-Ray ini, sebagaimana kerjasama yang di-berikan oleh penduduk2 di-kampung yang telah di-lawati itu.

Melalui kempen ini juga, ia-nya tidak sahaja

dapat mengesan penyakit batuk kering, malah ia-nya juga dapat mengesan penyakit barah, dan penyakit2 yang berkaitan dengan jantung dan paru2. Langkah2 mengesan penyakit2 ini dari awal2 lagi ada-lah lebih baik dari ia-nya terbiar melarat tanpa di-ketahui oleh pengidap-nya sendiri.

Kempen X-Ray Daerah Tutong

Oleh: Aisah Pice

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bahagian Klinik Dada, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan melanjutkan lagi Kempen X-Ray bagi penduduk2 di-Daerah Tutong ia-itu bagi penduduk2 Kampung Luagan Timbaran dan Kampung Birau.

Pegawai2 dan kaki-tangan2 jabatan tersebut akan menjalankan pendaftaran dari rumah rumah bagi raayat dan penduduk2 yang bermastautin di-Kampung Luagan Timbaran pada dua hari berturut-turut ia-itu pada 18hb dan 19hb Mei, 1981, mulai jam 8.30 pagi hingga 3.30 petang. Manakala penggambaran x-ray akan di-lakukan pada hari Khamis, 21hb Mei, 1981, dari jam 8.30 pagi hingga jam 4.00 petang, bertempat di-balai raya kampung tersebut.

Sementara itu, pegawai2 dan kaki-tangan2 jabatan yang berkenaan

akan berada di-Kampung Birau pada 25hb dan 26hb Mei, 1981, bagi menjalankan pendaftaran dari rumah. Pendaftaran akan di-jalankan dari jam 8.30 pagi hingga 3.30 petang. Penggambaran x-ray bagi penduduk2 Kampung Birau akan di-adakan pada 28hb dan 30hb Mei, 1981, mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di-balai kampung tersebut.

Penggambaran akan diusahakan dengan menggunakan Kenderaan X-Ray Bergerak. Raayat dan penduduk2 kampung tersebut ada-lah di-minta memberikan kerjasama kepada pegawai2 dan kaki-tangan2 yang bertugas dalam kempen itu nanti. Mereka hendak-lah berada di-balai raya kampung masing2 pada tarikh2 dan waktu2 penggambaran x-ray yang telah di-tetapkan.

Kenderaan ada-lah di-sediakan bagi mengangkut penduduk2 yang tinggal jauh dari balai raya.—AP



PAKAR Perubatan Dada, Dr. A. S. Sinnatambay dan Penguasa Klinik Dada Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, YAM Pengiran Lela Perkasa Pg Haji Md Said, sedang memerhatikan kaki-tangan2 Bahagian Klinik Dada sa-masa menyemak daftar nama2 penduduk Kampung Kupang di-Balai Raya kampung tersebut.

USAHA CHEGAH BATUK KERING:

KENDERAAN X-RAY BERGERAK BAWA KEJAYAAN



IA-LAH Kenderaan X-Ray Bergerak yang akan di-gunakan seterusnya, bagi menggambar penduduk2 kampung pedalaman yang berusia 15 tahun ka-atas, dalam usaha mengurangkan merebak-nya penyakit batuk kering dalam negeri Brunei.

intisari RTB minggu ini



DUNIA WANITA

WANITA di-anugerahkan kecantikan, kelembutan peribadi dan keistimewaan yang tinggi, bersukor-lah kita kaum wanita, dan tentu-nya demi kesempurnaan itu kita akan bertekad untuk menjadikan diri kita kaum wanita yang juga turut serta di-samping kaum lelaki untuk sama2 membangunkan negara-nya di-mana tempat ia berpijak, mengharumkan negara-nya dengan apa saja daya usaha-nya yang berkeabajikan.

Kalau dulu suara wanita itu hanya kedengaran mengalun mendudoi anak dalam buaian kali ini suara itu bergema dan berkumandang di-pertandingan2 dan sa-bagai-nya.

Dalam ranchangan Dunia Wanita, kita akan dapat mengikuti temuramah dengan juara Mutika 1981 Dayang Haslinda Mohd Taib yang mana siarannya dapat awda ikuti pada hari Ahad jam 9.30 pagi.

Uji-lah Bahasa Kita

RANCHANGAN Uji-lah Bahasa Kita pula bagi minggu yang ketiga akan memuatkan sekolah menengah atas, di-antara Maktab Anthony Abell berlawanan dengan Sekolah Misi St. Andrews, siarannya seperti biasa pada hari Jumaat jam 10.30 pagi.



SA-BAHAGIAN orang ramai yang menyaksikan Pertandingan Bintang Kechil Radio 1981 Daerah Belait.



GAMBAR di-atas menunjukkan Liau Badar (Anuar) dan Dayang Hindun (Hajjah Zainab) sedang menghidupkan watak masing2, sementara Mayang (P.I. Sunah) dan Intan (Dk Mastura) menunggu giliran masing2, dalam menjayakan siri Chitrawara "Intan".

RANCHANGAN TVP DARI 18HB HINGGA 24HB MEI

ISNIN — 18HB MEI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 13
Ranchangan ini mengajar murid2 nama2 bulan dalam Bahasa Inggeris. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'M' juga akan di-nampakkan di-Magic Pool.

Sa-buah lagu di-nyanyikan bersama Jay Jay dan Izat.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 5 (Mamalia)

Ranchangan ini menerangkan kepada murid2 berkenaan dengan tiga kumpulan binatang Mamalia.

- a) Binatang Maging.
- b) Binatang Maun.
- c) Binatang Maserba.

Bagaimana-kah kita boleh mengetahui kumpulan tersebut? Untuk penjelasan seterusnya ikuti-lah ranchangan ini bersama2 dengan Che'gu Satari.

10.30 KAP KAP UDANG 348.

Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN KUDA, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH DAN KAWAN-NYA FATIMAH, PA' LONG, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan gambar dan sebutan, Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf 'S'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 348.

SELASA — 19HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 13

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5 (Mamalia)

10.30 KAP KAP UDANG 349.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Untok siri permulaan Che'gu Rokiah akan bercherita dairihai berjenis2 sokan.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 349.

RABU — 20HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 13

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5 (Mamalia)

10.30 KAP KAP UDANG 350
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, MAIN KIM, BERSE- NAM, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.
Ruangn binatang Che'gu Rokiah akan menunjukkan dan bercherita dairihai kura-kura.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 350.

KHAMIS — 21HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 351

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMIN, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah Harimau Dengan Tikus.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 351.

JUMAAT — 22HB MEI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSE- NAM, TUNJOK BENDA, AMINAH, MENYANYI DE- NGAN GAYA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cherita Che'gu Rokiah ia-lah 'Tujoh Ekor Burong Gagak'.

SABTU — 23HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 352.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti KETUA KESELA- LAMATAN, PAPAN HIKMAT, AMIN, BOLA TUMBOK, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Musang dengan Bangau'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 352.

AHAD — 24HB MEI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, KAJIAN SA- MULA JADI, PETI SURAT, AMIN, MENYANYI DENGAN GAYA, dan CHERMIN SAKTI.
Ruangn kajian sa-mula jadi Che'gu Rokiah akan menunjukkan dan ber- cherita dairihai pokok pisang.

DALLAS



RAY Krebs (Steve Kanaly) dan Donna Chilver (Susan Howard) telah berkahwin dalam siri "Dallas" kita minggu ini. Donna ada-lah merupakan Mrs. Ewing yang baru dan dalam siri kali ini perang dingin di-antara Jock dan Miss Ellie semakin hebat.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 13HB. MEI

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MARIE OSMON SHOW
7.43 AZAN ISHA
7.47 MARIE OSMON SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 DRAMA BANCHI PERUMAHAN (ulangan)
9.40 SOAP — Ep. 21.
10.10 BIG LEAGUE SOCCER
11.00 QUINCY — "For The Benefit of My Patients".
11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 16HB. MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.28 BEWITCHED — "Sam Magic Mirror"
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.39 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM
7.44 AZAN ISHA
7.48 MAGNUM — sambongan
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 INI-LAH LAGU KU
9.30 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA — "Seribu Kenangan"
11.20 HAMMER HOUSE OF HORROR — "Rude Awakening"
Adakala-nya mimpi ada-lah sa-olah2 kejadian yang sa-benar-nya hinggalan awda meyakini-nya sa-telah terjaga. Bagi Norman Shenley, mimpi2 yang menakutkan berterusan dan semua-nya, dengan pembunohan.
12.10 SIARAN TAMAT.

AHAD - 17HB. MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES
PACKAGE — "Sammy's Super T-Shirt"
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.39 CHILDREN'S FEATURES
PACKAGE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "East Winds"
Banner, tanpa pengetahuan-nya, menginap bersama harta2 yang berupa emas tersembunyi di-dalam apartment-nya.
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 THE BOSOM BUDDIES — Ep. 11
9.10 PUSPARAMA
9.55 RUNNING BLIND
10.40 BIG VALLEY
11.25 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 18HB. MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME Ep. 27
5.15 SUPER SEVEN
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE
6.00 BERITA
6.05 TARZAN — "The Ultimate Weapon"

- 6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.39 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Angel On the Line"
The Angels di-tugaskan oleh Mary untuk menyiasat kematian rakan-nya, Lois di-Hot Line Club.
7.44 AZAN ISHA
7.48 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 US MASTER GOLF 1981
9.50 WHICKERS WORLD
10.40 HILL STREET BLUES "Gator Bait"
11.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 19HB MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.15 HANDFUL OF SONGS
5.30 AQUAMAN Ep. 4
6.00 BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.39 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT — "Bathy's Spheare"
7.44 AZAN ISHA
7.48 240 ROBERT — sambongan
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 ARENA SOKAN
9.10 MOVIE: "Rough Night In Jericho"
11.10 THE ASSOCIATES — "Turker's Courtroom Coup"
11.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 14HB. MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.28 MYSTERIOUS WORLD
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.38 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 WONDERLAND COVE (siri baru)
7.43 AZAN ISHA
7.47 WONDERLAND COVE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THREE'S COMPANY — "Chrissy's Date"
Chrissy jatuh cinta pada sa-orang lelaki tua yang di-temui-nya di-pasar. Jack chemburu tetapi ia menjadi gelisah bila Mrs. Roper memberitahu Jack dan Janet bahawa ia kenal isteri lelaki itu. Jack terpaksa membuat langkah2 tegas bagi membuktikan kepada Chrissy yang lelaki itu telah berkahwin.
10.10 THE OMEGA FACTOR
11.00 GREAT WESTERN THEATRE Prog. 20.
12.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 15HB. MEI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 SCOOPY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA
6.05 ABC INTERNATIONAL — "If I am Lost How Come I Find You"
6.28 THE MUPPETS
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.38 THE MUPPETS — sambongan



SIRI komidi Mork dan Mindy yang di-minati ramai kembali menemuiawda petang ini dengan cerita "Putting The Ork Back in Mork".

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

Mulai dari 13hb. hingga 19hb. Mei 1981

RABU

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Bertutor Bahasa Inggeris, dandang suria; 8.30—Rimba Raya; 8.45—Permintaan Pagi Rabu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Taman Mekar (su); 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (su). T/HARI: 12.00—Rampai Tengah Hari—Azan Fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Majallah Radio (su); 1.30—Persembahan Ku; 2.00—Siaran berhenti rehat; 5.00—Senandung Kanak-Kanak; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Asli; 6.00—Siri Muktadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: Serbanika hiburan (su); 7.30—Majallah Radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untuk Belia; 9.00—Serbanika Persembahan; 9.30—Chitra Irama (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan Ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a Restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Panduan sokan; 7.20—Bertutor Bahasa Inggeris, dandang suria; 8.30—Ruang ketani (su); 9.00—Dendang antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London (su); 10.30—Permintaan sukramai. T/HARI: 12.00—Ira kenchana/Puspa irama—Azan fardhu dzohor; 12.30—Panduan sokan; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara (su); 1.30—Majallah radio (su). PETANG: Siaran berhenti rehat. 5.03—Majallah Ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Lagu2 nasihat; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: Bachaaan surah yassin/Tahlil/Irama dawkah; 7.30—Bimbingan Al-Koran—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun/Iban; 8.30—Sandiwara radio (su); 9.00—Tafsir Al-Koran; 9.30—Hidayah; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan Ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan—dandang suria—menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Panduan sokan; 7.20—Bertutor Bahasa Inggeris—dandang suria; 8.30—Pertanian; 9.00—Pelajaran dewasa di-udara; 9.30—Tafsir Al-Koran (su); 1.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Uji-lah bahasa awda; 11.00—Bimbingan Al-Koran (su); 11.30—Drama masharakat. T/HARI: 12.00—Lagu dawkah; 12.15—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran; 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu jumaat; 1.15—Qasidah/Lagu2 Melayu asli; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Rampai dawkah/hiboran gazal. PETANG: 2.13—Membachakan susunan ranchangan; 2.15—Varia peristawa 2.30—Ruang ketani (su); 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa pendapat awda/hiboran; 3.30—Focus radio—Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30—Langgam suara; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Ira kenchana/puspa irama (su); 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang far-

dhu maghrib. MALAM: 7.00—Cherpen dan selokan-nya (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (su); 9.00—Bintang kecil/petikan dari filem (su); 9.30—Majallah ugama/petikan soal jawab Ugama (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran; —Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Panduan sokan; 7.20—Bertutor Bahasa Inggeris, dandang suria; 8.30—Focus radio (su); 9.00—Soalan di-udara; 9.15—Hiboran; 9.30—Pilihan pendengar; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Varia peristawa (su); 10.30—Rampai sari; 11.30—Apa pendapat awda/hiboran (su). T/HARI: 12.00—Tetamu minggu ini (su)—Azan fardhu dzohor; 12.30—Panduan sokan; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Majallah radio (su); 1.30—Lagu2 dari filem; 1.45—Rimba raya; PETANG: 2.00—Permintaan hujung minggu; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran pilihan; 3.30—Cherpen dan selokan-nya—Azan fardhu asar; 4.00—Mutia asli; 4.30—Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00—Irama gembira; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 lama; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: Rampai dawkah/hiboran gazal; 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Langgam suara (su); 9.00—Kenangan mengisik jiwa; 9.30—Titian budaya (su); 9.45—Irama keroncong; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Panduan sokan—dandang suria; 8.15—Mempelajari Bahasa Inggeris; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Taman mekar; 9.30—Dunia Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Doctor radio; 10.30—Pop minggu ini; 11.00—Titian budaya; 11.30—Pancharagam tempatan. T/HARI: 12.00—Sandiwara radio—Azan fardhu dzohor; 12.30—Panduan sokan; 12.32—Rampai tengah hari; 12.45—Permintaan dua station. PETANG: 2.00—Membachakan susunan ranchangan; 2.02—Bintang kecil/petikan dari filem; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Chitrawara; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Sharikat kerjasama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 gazal; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: Persembahan ku (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Suara parajurit; 9.30—Permintaan lagu2 lama (60an); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Panduan sokan; 7.20—Bertutor Bahasa Inggeris, dandang suria; 8.30—Serbanika Hiboran (su); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Pilihan pendengar; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Sain dan perusahaan; 11.00—Album penyanyi; 11.30—Permintaan suka ramai. T/HARI:

Komentar radio—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai joget; 12.33—Panduan sokan; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Majallah radio (su); 1.30—Bingkisan tanah ayer. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Hiboran pilihan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 asli; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—menunaikan sembahyang maghrib. MALAM: 7.00—Sharikat Kerjasama (su); 7.30—Tunas pendidek—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Chitra Irama; 9.00—Pertanian (su); 9.30—Mutia asli (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah Pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dandang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15—Bertutor Bahasa Inggeris—dandang suria; 8.30—Suara parajurit (su); 9.30—Permintaan kaum wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00—Dunia wanita (su); 11.30—Hiboran untuk suri2 rumah tangga; 11.45—Doctor radio (su). T/HARI: 12.00—Hiboran tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tetamu minggu ini; 1.30—Ku Sampaikan Salam. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat; 5.00—Lagu2 nasihat; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama senja; 6.00—Siri muktadam—Bingkisan hari ini—menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Album penyanyi (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pancharagam tempatan; 9.00—Drama masharakat (su); 9.30—Uji-lah bahasa awda (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasas Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaaan ayat2 Suchi Al-Koran—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION From 13th to 19th May 1981

WEDNESDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Evelyn Samuel. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. David's Music Night: 8.00—Opening Announcement—Beethoven: Overture "Egmont"; Massorisky: Picture at an Exhibition; 8.45—Chinese Classical Music; 9.15—News; 9.30—Musical Miscellany—Chopin—Mahler Mozart; 10.00—Close Down.

THURSDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break by Ideris Ali. PM: 12.30—News; 12.45—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30—Perspective; 8.45—BBC Midland Radio Orchestra; 9.15—News; 9.30—The Big Band Sound; 10.00—Close Down.

FRIDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—We care for you by Ideris Ali; 11.15—Break For Music; 11.30—World of Books (repeat). NOON: 12.00—Frank Muir Goes Into. PM: 12.30—News;

8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—English Examined prog 50 (repeat); 11.15—Strictly Instrumental; 11.30—Children's Half Hour. NOON: 12.00—Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. PM: 12.30—News; 12.45—The Paramour Sound—6/16; 1.15—BBC Sports Magazine; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30—Dateline; 9.00—International Money Programme; 9.15—News; 9.30—String Sound; 10.00—Close Down.

SATURDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Practical World; 8.15—Melody Time; 8.45—Frank Muir Goes Into: "Air Travel"; 9.15—News; 9.30—Top of The Pops; 10.00—Close Down.

SUNDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—We care for you by Ideris Ali; 11.15—Break For Music; 11.30—World of Books (repeat). NOON: 12.00—Frank Muir Goes Into. PM: 12.30—News;

12.45—Interlude; 1.00—Top of the Pops; 1.30—Close Down. Tajul's Student Night: 8.00—Opening Announcement—School Band On Parade; 8.15—Tell a tale Competition produced by Veronica Shim; 8.30—English Examined prog 51; 8.45—Sun Poem by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00—Hi Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.30—Science Pop; 10.00—Close Down.

MONDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Theatre Fort Five: "Long Time Story" by Varleria Murray; 8.45—Sweet and Stylish; 9.15—New 9.30—World of Books; 10.00—Close Down.

TUESDAY AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—World News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00—Lunch Break (continued); 1.30—Close Down. Jaafar's Music Night: 8.00—Opening Announcement—Just For You/Quiz; 8.30—Spot with Collin Clark; 8.45—Just For You/Quiz; 9.00—Rock Line; 9.15—Pop Music From Asia; 10.00—Close Down.

'TINGGIKAN MUTU KESOKANAN KITA'

JALAN MUARA.—Ketua Pos Agong, Pengiran Jeluddin bin Pengiran Mohd Limbang menjelaskan bahawa Brunei tidak lama lagi akan mempunyai sa-buah stadium yang besar, lengkap dan moden yang boleh menampung beribu2 orang penonton.

Pemodenan, serta kelengkapan stadium itu nanti, tambah-nya, memerlukan apa yang di-katakan "mengisikan" stadium itu dengan pemain2 Brunei yang gagah dan bermutu.

Berucap ketika merasmikan sokan tahunan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara yang telah di-adakan disini pada hari Sabtu 2hb Mei lepas, Pengiran Jeluddin berkata dari itu kita dari sekarang perlu berusaha meningkatkan mutu permainan kita dan kalau boleh mencipta rekod baru di-stadium itu

kelak.

"Kita tidak mahu mempunyai sa-buah stadium yang moden yang lengkap kerana tidak banyak penuntun, yang lengkap tidak ada tepok sorak yang kedengaran dan yang sepi kerana tidak ada apa2 perlawanan sokan di-dalam-nya," ujar-nya.

Walau bagaimana pun kata-nya, athlet2 dan ahli2 sokan kita pada masa

ini boleh-lah di-banggaan ia-itu seperti pemain2 bolasepak kebangsaan yang menunjukkan 'performance' yang meningkat dari sa-masa ka-semasa dan juga kegagahan A. Sibidol di-segi lempar lembing dan lain2 acara sokan.

Akan tetapi, tegas-nya lagi, kita perlu lagi meningkatkan taraf permainan kita khas di-perengkat antarabangsa, biar-lah seseorang atau sa-sepasokan itu "excell" di-dalam tiap2 permainan, seperti Borg dengan tennis, Pele dengan bolasepak-nya dan lain2 lagi.

Menyentuh mengenai

"significant" sokan dan olahraga, beliau menjelaskan, bahawa sokan berguna untuk perhubungan dan berbaik2 di-antara satu negara dengan satu negara yang lain jika sa-tu2 pertandingan di-jalankan.

Di-samping itu tambah-nya, sokan juga ada-lah berguna untuk pembangunan negara dan penyemarak nama baik sa-sebuah negeri itu di-mana anggota2 masyarakat yang tuboh badan-nya sehat dan otak yang baik akan dapat menyumbangkan tenaga dan buah fikiran yang baik untuk kebaikan sa-sebuah negeri itu.—JI.

Pengiran Jeluddin.

Persatuan Chator Brunei hantar rombongan ka-Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN.—Persatuan Chator Brunei telah memutuskan untuk menghantar satu rombongan ka-Indonesia bulan depan untuk berunding di-dalam perlawanan2 chator persahabatan di-sana.

Perkara ini telah di-pusatkan di-dalam satu majlis muarar persatuan tersebut yang berlangsung di-Pusat Belia di-sini pada 3hb Mei 1981.

Mashuarat tersebut telah juga mengator dan se-musanya meluluskan tarikh2 perlawanan chator bagi sa-panjang tahun 1981.

Kejohanan Novice yang telah di-adakan pada 3hb dan 10hb lalu akan di-peruskan pada 17hb Mei, Chator Gerak Kilat, 24hb Mei, Kejohanan Chator Daerah Brunei-Muara, 29hb Mei hingga 5hb Jun,

Chator Gerak Kilat, 5hb Julai, Chator Gerak Kilat sekali lagi pada 26hb Julai, Kejohanan Kebangsaan, 7hb Ogos hingga 24hb Ogos, Kejohanan Berpasokan Sa-Negeri, 20hb, 27hb dan 29hb September, Chator Gerak Kilat, 4hb Oktober, Kejohanan Remaja, sa-masa chuti persekolahan dan Chator Gerak Kilat pada 6hb Disember.

Senarai tarikh2 perlawanan yang lengkap boleh di-dapati dari ahli2 Jawatankuasa PCB. Pemain2 yang ingin turut serta di-dalam Kejohanan Daerah Brunei-Muara diminta berhubung dengan Pg Mohammad Limbang PLW Pg Haji Yusof, Pejabat Penchen; Mohammad Haji Wasli, Pejabat Imigeresen; Mohammad Haji Damit, RTB dan Mohd Asnawi Haji Abdul Halim, Yunit Peranchang Ekonomi.



Pemenang kuiz perengkat akhir

PESERTA2 yang mewakili Maktab Anthony Abell di-dalam pertandingan kuiz sains antara sekolah2 telah munchol sebagai pemenang di-dalam peringkat akhir pertandingan tersebut sa-telah mengalahkan peserta2 dari Sekolah St Margaret Seria dengan mata 28-24.

Pertandingan yang di-adakan pada akhir bulan Mach lalu itu di-anjarkan oleh Badan Sains maktab

tersebut.

